



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 17 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	KPWKM Rancang Bina Depoh Bencana Di Sibu Dan Miri – Nancy https://www.sinarharian.com.my/article/685894/berita/nasional/kpwkm-rancang-bina-depoh-bencana-di-sibu-dan-miri---nancy https://www.bernama.com/en/news.php?id=2340940 https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-rancang-bina-depoh-bencana-di-sibu-dan-miri-nancy-488049 https://dayakdaily.com/depoh-simpanan-barangan-keperluan-bencana-akan-dibuka-di-miri-sibu-nancy/ https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-lagi-depo-simpanan-keperluan-mangsa-bencana-bakal-dibina-di-sarawak https://utusanarawak.com.my/depoh-keperluan-mangsa-bencana-dibina-di-sibu-miri/ https://suarasarawak.my/sarawak-tambah-pembinaan-depoh-penyimpanan-keperluan-bekalan-bencana/ https://thesun.my/cerita/berita/kpwkm-rancang-bina-depoh-bencana-di-sibu-dan-miri-nancy-CC13006352#google_vignette https://news.seehua.com/post/1216166	Sinar Harian Bernama Astro Awani Dayak Daily Berita RTM Utusan Sarawak Suara Sarawak The Sun See Hua	Neutral

2.	<p>Enam Rumah Rosak Akibat Ribut Di Perlis</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-rumah-rosak-akibat-ribut-di-perlis-488113</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/685974/edisi/utara/enam-rumah-rosak-akibat-ribut-di-perlis</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134632/6-rumah-rosak-akibat-ribut-di-perlis</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
3.	<p>Kanak-Kanak Di Rumah Amal Dipijak, Dirotan Tanpa Belas Kasihan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/685964/berita/semasa/kanak-kanak-di-rumah-amal-dipijak-dirotan-tanpa-belas-kasih</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/685939/berita/semasa/banyak-lagi-penderaan-dialami-kanak-kanak-gisbh---kpn</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/16/kanak-kanak-merayu-minta-nyawa-didera-di-rumah-amal/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/tular-video-kanak-kanak-menghuni-rumah-amal-ditindih-dirotan-penjaga/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1134573/polis-siasat-video-tular-kanak-kanak-didakwa-didera-di-rumah-amal-kendalian</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
4.	<p>Kanak-Kanak Didakwa Diculik Sebenarnya Dilarikan Ibu Kandung</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/kanak-kanak-didakwa-diculik-sebenarnya-dilarikan-ibu-kandung/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1134588/bapa-lapor-kehilangan-bayi-isteri-warga-asing-disyaki-larikan-anak</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/685959/berita/semasa/polis-cari-wanita-warga-asing-larikan-anak-daripada-suami</p>	<p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	https://malaysiagazette.com/2024/09/16/polis-cari-wanita-asing-larikan-anak-daripada-suaminya/	Malaysia Gazette	
5.	<p>Pesara Bank Rugi RM1.44 Juta Akibat Terperdaya 'Phone Scam'</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesara-bank-rugi-rm144-juta-akibat-terperdaya-phone-scam-488085</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2341029</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/09/16/pesara-bank-rugi-rm1-4-juta-diperdaya-phone-scam/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/09/1299075/pesara-bank-wanita-rugi-rm14-juta-diperdaya-sindiket-mengaku-polis</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/pesara-rugi-rm1-4-juta-ditipu-scammer/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134561/pesara-bank-kena-scam-rm144-juta-lesap</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/16/phone-scam-warga-emas-rugi-lebih-rm1-4-juta/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p>	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KPWKM RANCANG BINA DEPOH BENCANA DI SIBU DAN MIRI – NANCY



Nancy Shukri bercakap kepada media selepas melakukan lawatan di Depoh Simpanan Keperluan Bencana Samarahan sempena Kembara Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2024 hari ini. - Foto: Bernama

KOTA SAMARAHAN - Dua depoh simpanan keperluan bencana akan dibina di Sarawak, masing-masing di Sibu dan Miri, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, kementeriannya sedang memuktamadkan lokasi yang sesuai untuk penempatan depoh berkenaan bagi memenuhi keperluan mangsa bencana di kawasan tersebut.

"Seperti di Sibu, kita perlu kenal pasti lokasi paling sesuai kerana Sibu sering dilanda banjir. Begitu juga di Miri, kita perlu mencari tempat yang tidak terdedah kepada banjir. Setelah itu, barulah proses tender akan dijalankan.

"Di Miri dan Sibu, setakat ini kita menggunakan mini depot, walaupun saiznya kecil dan tidak mencukupi, yang penting bekalan sentiasa ada," katanya kepada pemberita selepas majlis pelepasan Konvoi Kembara KASIH KPWKM di Depoh Simpanan Keperluan Bencana Samarahan, hari ini.

Nancy berkata selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga merancang untuk membina mini depoh di bahagian lain di seluruh Sarawak berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa kini.

Menurutnya, Depoh Simpanan Keperluan Bencana Samarahan yang menempatkan pelbagai peralatan asas seperti khemah, bantal dan kerusi roda, mampu menyediakan bantuan kepada 30,000 mangsa di kawasan selatan Sarawak termasuk Serian, Kuching dan Samarahan.

Konvoi Kembara KASIH KPWKM 2024, yang melibatkan 40 kenderaan dan empat aset KPWKM, akan menjelajah ke lapan daerah di Sarawak meliputi Kuching, Sibul, Kapit, Bintulu, Sibuti, Miri, Limbang dan Lawas.

Pelbagai program dan perkhidmatan percuma ditawarkan agensi di bawah KPWKM sepanjang kembara itu yang berlangsung sejak semalam sehingga 22 September ini. - Bernama

ENAM RUMAH ROSAK AKIBAT RIBUT DI PERLIS



Orang ramai diminta segera membuat laporan polis dan memaklumkan kepada pemimpin masyarakat serta pihak JKM bagi memudahkan urusan penyaluran bantuan keperluan kepada mangsa ribut.

KANGAR: Enam rumah rosak apabila bumbung tercabut akibat ribut di beberapa kawasan di Perlis, kira-kira 5 petang semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Mohd Nazim Mohd Noor berkata berdasarkan rekod pihaknya setakat 9.10 malam tadi, kawasan terjejas melibatkan Kariah Beseri Sungai Paya, Kota Kayang, Wang Besar, Padang Melangit, Abi dan Tok Kaya.

"Rumah mengalami kerosakan kecil akan diberikan bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis manakala kerosakan teruk akan dirujuk JKM untuk diberi bantuan oleh MAIPs.

"Isu di luar garis panduan sedia ada JKM juga akan dirujuk kepada MAIPs," katanya dalam satu kenyataan malam tadi.

Mohd Nazim meminta orang ramai segera membuat laporan polis dan memaklumkan kepada pemimpin masyarakat serta pihak JKM bagi memudahkan urusan penyaluran bantuan keperluan kepada mangsa terlibat.

KANAK-KANAK DI RUMAH AMAL DIPIJAK, DIROTAN TANPA BELAS KASIHAN



Video tular pertama dimuatnaik Pukas Malaysia pada Sabtu.

SHAH ALAM - Tular dua video berbeza memperlihatkan kanak-kanak didera tanpa perikemanusiaan oleh penjaga yang didakwa pekerja rumah amal bermotifkan agama.

Menerusi hantaran yang dimuat naik di laman Facebook Pusat Kajian Ajaran Sesat (Pukas) Malaysia, video pertama menampilkan seorang kanak-kanak lelaki ditekan dan dipijak di bahagian dada menggunakan lutut sehingga menangis teresak-esak, malah hampir pengsan.

Video kedua pula menunjukkan beberapa kanak-kanak dirotan sebanyak enam hingga 15 kali tanpa belas kasihan sehinggakan ada yang menangis dan meraung kesakitan.

“Sadis dan kejam! Seorang kanak-kanak disiksa penjaga di rumah amal. Lutut si penjaga (pajak) di dada sehingga hampir pengsan, kanak-kanak ini juga ada kecederaan lain.

“Video penderaan kedua adalah hukuman rotan yang melampau. Jiwa pendera tidak boleh jadi pendidik.

“Kanak-kanak dirotan tanpa belas kasihan. Sakitnya bukan kepalang,” katanya pada Isnin.

Sebelum ini, media melaporkan polis telah menyelamatkan mangsa terdiri 201 kanak-kanak lelaki dan 201 perempuan berusia setahun hingga 17 tahun yang disyaki menjadi mangsa eksploitasi, pengabaian atau penganiayaan di premis dipercayai milik organisasi bermotifkan agama di sekitar Selangor serta Negeri Sembilan.

Menerusi Op Global yang dijalankan antara jam 6 hingga 11 pagi Khamis, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain memaklumkan, pihaknya turut menahan 171 individu iaitu tenaga pengajar, penjaga asrama dan pengerusi pusat pengajian.

Dalam perkembangan pada Jumaat, beliau memaklumkan, 13 daripada kanak-kanak terbabit disyaki telah diliwat berdasarkan saringan perubatan yang dilakukan.

•
Bagaimanapun, 10 dari 402 kanak-kanak terbabit didapati terdiri daripada kanak-kanak autistik, orang kurang upaya (OKU) dan sakit telah diserahkan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

PESARA BANK RUGI RM1.44 JUTA AKIBAT TERPERDAYA 'PHONE SCAM'

IPOH: Seorang pesara bank kerugian lebih RM1.44 juta selepas terperdaya dengan sindiket penipuan melalui panggilan telefon yang menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan polis.

Ketua Polis Perak Datuk Azizi Mat Aris berkata wanita berusia 65 tahun dan menetap di Taiping itu mula diperdaya selepas menerima panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai pegawai terbabit, 11 Ogos lepas.

"Suspek memberitahu mangsa bahawa kad bank beliau terlibat dengan kegiatan perubahan wang haram, sebelum panggilan disambungkan kepada seorang lelaki (suspek kedua) yang memperkenalkan diri sebagai 'Sarjan Rabbani' kononnya boleh menyelesaikan kes berkenaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata rentetan itu, wanita berkenaan telah dihubungi dua lagi individu yang mengaku pegawai polis daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.

Wanita itu katanya telah diarahkan membuka tiga akaun bank berbeza untuk tujuan pindahan wang ke akaun sendiri.

"Mangsa telah diarahkan meninggalkan kad mesin juruwang automatik (ATM) ketiga-tiga bank berkenaan yang dimasukkan dalam sampul surat di atas rumput di alamat seperti diarahkan.

"Tindakan itu dikatakan bagi tujuan siasatan dan suspek berjanji akan mengembalikan wang mangsa setelah siasatan selesai," katanya.

Azizi berkata wanita itu ada menerima mesej pengeluaran wang bermula 23 Ogos hingga 11 Sept dan setelah membuat semakan melalui penyata ketiga-tiga bank berkenaan, dia mendapati telah kerugian RM1,440,969.83.

Wanita terbabit yang mengesyaki dirinya ditipu membuat laporan polis petang semalam dan kes sedang disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.